

13 SEP 1999

Mahathir-Timor Timur

MALAYSIA SEDIA HANTAR TENTERA KE TIMOR TIMUR, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia bersedia berkhidmat dalam pasukan pengaman Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur.

Katanya setiausaha agung PBB Kofi Annan telah bertanya kepada beliau sama ada Malaysia boleh menyumbangkan pasukan tenteranya jika diperlukan.

"Malaysia menjawab ya. Kita bersedia untuk berkhidmat di Timor Timur dan jika semua pihak setuju, kita akan menghantar tentera kita ke sana," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Undang-undang Komanwel ke-12 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya sama ada Malaysia akan menghantar tenteranya ke Timor Timur memandangkan Indonesia telah bersetuju untuk membenarkan pasukan pengaman antarabangsa berada di sana.

Beribu-ribu rakyat Timor Timur dikhuatiri terbunuh dan berpuluh ribu lagi kehilangan tempat tinggal kerana amukan anggota militia pro Jakarta berikutan pungutan suara yang diselikan PBB pada 30 Ogos menyaksikan majoriti rakyat Timor Timur mengundi untuk merdeka.

Ditanya mengenai ramalan ketua perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah bahawa pilihan raya umum akan diadakan pada November, Dr Mahathir secara bergurau berkata "Beliau tentu tahu sesuatu yang saya tidak tahu."

Tengku Razaleigh dalam satu ceramah di Taman Guru, Kelantan pada Jumaat malam, dilaporkan sebagai berkata pilihan raya akan diadakan sebelum bulan puasa, iaitu pada Disember, dan musim tengkujuh.

"Selepas puasa ramai umat Islam akan ke Mekah untuk menunaikan haji, dan musim hujan pada Disember bukan masa yang sesuai untuk pilihan raya," katanya.

Tengku Razaleigh berkata beliau membuat ramalan itu bagi memastikan anggota-anggota Umno bersiap sedia jika pilihan raya diadakan secara mengejut.

-- BERNAMA

HS RON